

150,000 pencari kerja berjaya dibantu - PM

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Inisiatif penempatan dan kewujudan pekerjaan baharu melalui komitmen pelaburan mengatasi sasaran dengan 150,597 pencari kerja berjaya ditempatkan menerusi 12 program.

Perdana Menteri berkata, angka individu yang mendapat kerja melebihi jumlah unjuran kumulatif pada bulan ini.

Menurut Tan Sri Muhyiddin Yassin, usaha kerajaan meningkatkan pelaburan dalam negara membawa kepada kewujudan 33,907 pekerjaan baharu dengan

76 peratus adalah dalam kategori mahir dan separuh mahir.

“Ini adalah sebahagian daripada sasaran 160,000 pekerjaan baharu hasil daripada komitmen pelaburan bagi tahun ini,” kata beliau dalam kenyataan selepas mempengerusikan mesyuarat ketiga Majlis Pekerjaan Negara (NEC) yang diadakan secara persidangan video di sini semalam.

Menurut beliau, isu dan cabaran pekerjaan dalam sektor tidak formal diambil perhatian iaitu hasil daripada 6,202 program libat urus dijalankan, bilangan orang bekerja sendiri (OBS) termasuk pekerja Gig yang mendapat Perlindungan

Sosial daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) menunjukkan peningkatan daripada 71,000 pada tahun 2019 kepada 81,000 orang (2020) dan terkini 142,000 orang (2021).

Beliau menjelaskan, kesukaran golongan OKU dan rentan mendapatkan akses kepada penajaan pendapatan turut diambil perhatian dengan Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta pihak berkuasa tempatan (PBT) diminta mengkaji langkah-langkah termasuk peruntukan perundangan bagi memastikan inisiatif dapat dijalankan segera.